

04/08/1999

Jentera Barisan cukup bersedia

KUALA LUMPUR, Selasa - Jentera Barisan Nasional (BN) berada dalam keadaan memuaskan dan sudah bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata BN sedang bekerja keras dan tahap persediaan itu akan terus ditingkatkan sehingga tiba waktu pilihan raya umum berkenaan.

Beliau berkata, BN juga akan memanfaatkan masa yang masih ada untuk meningkatkan persiapan berkenaan terutama dari segi pengetahuan mengenai kerja pilihan raya dan beberapa tugas lain yang boleh dilaksanakan secara berperingkat.

"Inilah tumpuan kita sekarang iaitu ke arah memastikan jentera berada dalam keadaan bersiap sedia," katanya selepas menghadiri majlis taklimat dan demonstrasi data kelajuan tinggi menggunakan sistem digital 'Multi-point Multi Distribution' (MMDS) untuk sekolah bestari, di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Mega TV, Rahmad Kadir.

Laporan akhbar hari ini memetik Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai menegaskan bahawa masa untuk pilihan raya umum semakin suntuk dan mengarahkan jentera BN keluar segera menemui setiap ahli parti serta pengundi.

Sementara itu mengulas mengenai tindakan parti pembangkang yang ghairah berjanji melaksanakan pelbagai perkara sekiranya memenangi pilihan raya umum akan datang pula, Najib berkata, pihak berkenaan boleh berbuat demikian kerana mereka bukan kerajaan.

Sebagai parti politik yang bukan kerajaan, beliau berkata, parti berkenaan boleh membuat sebarang janji kerana mereka tidak ada tanggungjawab untuk melaksanakannya.

Sebaliknya, sebagai parti kerajaan, katanya, BN sedar apa yang dijanjikan mesti dalam lingkungan perkara yang mampu dan munasabah dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

"Oleh itu apabila kita membuat ucapan ataupun manifesto, kita mesti membuat suatu kenyataan yang boleh dikota mahupun dilaksanakan oleh kita kepada rakyat.

"Bagaimanapun bagi parti pembangkang, mereka boleh berjanji macam-macam dan jika ada pakatan sekali pun, boleh membuat kenyataan bercanggah kerana tidak ada tanggungjawab untuk melaksanakan sebab mereka bukan kerajaan.

"Oleh itu, pengundi tidak boleh menilai sesuatu berdasarkan janji atau kata-kata diucapkan oleh pemimpin pembangkang semata-mata. Sebaliknya, mereka mesti tahu menilai secara rasional berdasarkan apa yang boleh dilaksanakan," katanya.

(END)